



Barisan pemain pasukan MBKT meralkan kejayaan mereka selepas berjaya mencipta hatrik kemenangan pada Kejohanan Bolasepak Maksak Terengganu 2018, semalam.

## ***MBKT cipta hatrik kemenangan***

**KUALA TERENGGANU** - Pasukan bola-sepak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) berjaya membuktikan kejagannya apabila mencipta hatrik kemenangan pada Kejohanan Bolasepak Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia (Maksak) Terengganu 2018, semalam.

Pada kejohanan yang disertai 27 pasukan itu menyaksikan skuad kendalian Ridzuan Mohd Nor mara ke pentas final selepas menumpaskan cabaran Majlis Daerah Marang (MDM), 1-0 dalam aksi separuh akhir sebelum meraih kejuaraan dengan menundukkan Kelab Wisma Darul Iman (KWDI) menerusi jaringan tunggal Wan Mohammad Azwan Wan Hassan.

Lebih manis dua pemain MBKT turut

dinobatkan selaku pemain terbaik kejohanan menerusi Wan Mohammad Azwan Wan Hassan (kategori terbuka) dan Mohd Shamsul Aswadi Ibrahim (kategori veteran).

Selaku juara kem MBKT berjaya membawa pulang hadiah wang tunai RM1,500 manakala naib juara KWDI RM800 dan tempat ketiga dikongsi bersama pasukan MDM serta Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan masing-masing menerima RM400.

Sementara itu, pengurus pasukan MBKT Zaidi Abdul Rahman menyifatkan kejayaan diraih itu adalah hasil kerja keras dan semangat juang pemain dalam latihan yang diadakan sejak lebih dua minggu sebelum kejohanan berlangsung.